

# PELANCARAN BLUEPRINT PERUMAHAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3269-pelancaran-blueprint-perumahan-kementerian-pertahanan](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3269-pelancaran-blueprint-perumahan-kementerian-pertahanan)

PORT DICKSON, 3 Apr 18 – Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Hishamuddin Tun Hussein telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Blueprint Perumahan Kementerian Pertahanan yang diadakan di MALBATT Village hari ini.

Idea Blueprint Perumahan ini dicetuskan oleh YB Menteri Pertahanan bertujuan menambahbaik taraf kehidupan anggota-anggota ATM dan keluarga mereka. Di samping itu, ianya dapat memberi panduan terhadap pelaksanaan program-program yang dirangka agar lebih teratur dan sistematik.

Di bawah agenda perumahan, Kementerian Pertahanan telah menyediakan strategi/program seperti Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT), Satu Anggota Satu Rumah (SASaR), 1Malaysia Veteran Home Repair Programme (1MVHRP) dan Rumah Idaman.

Hadir sama di majlis pelancaran ini Panglima Angkatan Tentera, YM Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor; Panglima Operasi Udara, Lt Jen Dato' Sri Hj Abdul Mutalib bin Datuk Hj Ab Wahab TUDM mewakili Panglima Tentera Udara; Panglima-panglima Perkhidmatan serta Pegawai-pegawai Kanan ATM dan awam Kementerian Pertahanan.



